



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 MEI 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Penduduk kesal MPAJ enggan turun padang

12




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Penduduk kesal MPAJ enggan turun padang
Muka Surat	12



Susur masuk utama ke Taman Melawati dari Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), yang didakwa menimbulkan kesulitan dan berbahaya kepada penduduk.



Jalan ABC yang didakwa bakal mengalami kesesakan dan tidak menepati aspek keselamatan pengguna.

ISU KESESAKAN LALU LINTAS DI TAMAN MELAWATI

Penduduk kesal MPAJ enggan turun padang

➔ Pihak PBT tidak hantar wakil ketika majlis dialog dengan JKR

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur

Penduduk Taman Melawati, Hulu Klang, di sini, kesal dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang didakwa seolah tidak mengendahkan aduan penduduk berhubung masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan itu yang berlarutan sejak setahun lalu.

Ini berikutan kegagalan wakil pihak berkuasa tempatan (PBT) itu hadir ke sesi dialog bersama Jabatan Kerja Raya (JKR), semalam yang diadakan di pejabat JKR Gombak, di Selayang, di sini.

Perjumpaan berkenaan diadakan bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan perumahan itu berikutan aliran trafik di kawasan berkenaan yang sering berubah-ubah hingga menyebabkan penduduk keliru.

Selain itu, masalah berkenaan juga menimbulkan kesulitan dan didakwa mengancam keselamatan penduduk serta pengguna

jalan raya.

Amat dikesali

Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati, Razman Hakim Abdullah, berkata kegagalan MPAJ untuk hadir ke perjumpaan itu amat dikesali kerana melalui dialog itu diharapkan akan ada penyelesaian terhadap masalah dihadapi penduduk.

"Aduan sudah berkali-kali dihantar kepada MPAJ untuk tindakan susulan namun sehingga kini, mereka tidak memberi sebarang maklum balas.

"Apabila ada usaha daripada penduduk untuk mengadakan sesi dialog, masih juga tidak mahu turun padang dan berbincang," katanya yang ditemui selepas sesi dialog berkenaan.

Halaman Kota baru-baru ini menyalurkan rungutan penduduk berhubung masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan berkenaan berikutan pembangunan di sekitarnya yang turut menyebabkan berlaku perubahan pada aliran trafik.

Razman Hakim berkata, perubahan aliran trafik bagi susur masuk



Apabila ada usaha daripada penduduk untuk mengadakan sesi dialog, masih juga tidak mahu turun padang dan berbincang."

Razman Hakim Abdullah,
Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati

(ingress) ke Taman Melawati dari Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) yang tidak strategik mengandungi bahaya kepada pengguna jalan.

"Keadaan laluan yang bercabang tanpa papan tanda arah mengelirukan pengguna jalan raya yang menimbulkan kesesakan lalu lintas selain kerap berlaku kemalangan kecil.

"Malah, lintasan pejalan kaki turut dibina terlalu hampir dengan susur keluar ke MRR2 yang dikhawatirkan akan mengancam keselamatan pejalan kaki yang melintas di kawasan berkenaan," katanya.

Penduduk mendakwa, keadaan aliran susur masuk ke kawasan perumahan mereka mengalami perubahan berikutan pembinaan kompleks beli-belah, bangunan pejabat dan projek pembedahan yang menyebabkan kesesakan serta kemalangan kecil yang memberi risiko kepada penduduk terutama pelajar sekolah.

Antara jalan yang terjejas ialah Jalan Taman Melawati, Jalan Bandar dan Jalan Kolam Air. Ia turut menyebabkan kesesakan sehingga ke MRR2.

BH 16/5/2017
MIS 12